

TARIKH: 21/9/23.  
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia  
MUKA SURAT: 45

UTUSAN MALAYSIA  
KHAMIS • 21 SEPTEMBER 2023

45

## Sukan

Sebulan tidak dapat gaji, belum pasti mampu bayar selepas ini

# 'Bantulah kami Perlis United'

Oleh ASYRAF MUHAMMAD  
utusannews@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Perlis United FC (PUFC) yang mempunyai baki empat lagi perlawanan dalam Liga M3 merayu perhatian serta bantuan kerajaan negeri agar membantu mereka menyelesaikan isu tunggakan gaji.

Sudahpun berdepan masalah tunggakan gaji bulan Ogos, pasukan itu mengakui, jika tidak dibantu mereka tidak pasti apakah mampu membayar gaji untuk bulan-bulan berikutnya.

Penolong Pengurus Perlis United, Muhammad Khairulnizam Haris berkata, isu tersebut menjelaskan pemain untuk menyara keluarga dan meneruskan kelangsungan hidup.

"Sebanyak RM100,000 diperlukan bagi membayar tunggakan gaji yang sememangnya amat memberi kesan kepada pihak pengurusan dan pemain.

"Ada pemain baru menerima kehadiran bayi dan mereka juga perlu membayar komitmen sewa rumah, kereta dan pelbagai lagi," katanya.

Terdahulu, Khairulnizam bersama pengurusan Perlis United turut menghantar memorandum kepada Pengurus Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Muhammad Azmir Azizan berhubung isu tunggakan



PENGURUSAN Perlis United bersama pemain mengadakan pertemuan bersama Muhammad Azmir Azizan bagi menyerahkan memorandum susulan daripada isu tunggakan gaji dihadapi pasukan itu.

- UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

gaji tersebut selain berharap beberapa sokongan lain.

Mengulas lanjut, Khairulnizam berkata, kehadiran pemain dalam latihan juga semakin merosot berikutan permasalahan tersebut yang menjelaskan motivasi mereka.

Masalah gaji juga merentarkan prestasi pemain yang kini berada pada kedudukan ketujuh dari 13 pasukan.



"Perkembangan ini amat merugikan pasukan yang sedang berada di landasan terbaik dalam Liga M3 musim ini. Sekiranya Perlis United menarik diri, kita akan berdepan penggantungan selama tiga tahun," katanya.

Selain tunggakan gaji, pasukan itu turut berdepan masalah venue perlawanan.

Katanya, terdapat dua venue

perlawanan yang telah didaftar dengan Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) iaitu padang Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau dan Universiti Malaysia Perlis (Unimap).

"Bagi padang UiTM, kami sering berdepan masalah perlu menukar venue saat akhir walaupun telah membuat pembentahan awal, manakala bagi padang Unimap, sewanya agak mahal dan menyukarkan pasukan ini walaupun kami membawa nama Perlis," katanya.



MUHAMMAD AZMIR AZIZAN

## Kerajaan Perlis cuba bantu

**KANGAR:** Kerajaan negeri akan mencari jalan penyelesaian bagi membantu menyelesaikan isu tunggakan gaji dihadapi pasukan Perlis United FC (PUFC) untuk bulan Ogos dalam menghabiskan baki empat perlawanan saingan Liga M3 musim ini.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Muhammad Azmir Azizan berkata, selain itu, kerajaan negeri juga akan berusaha mencari jalan bagi melunaskan bayaran gaji pemain pasukan itu bagi bulan September dan Oktober sebelum musim ini berakhir.

Katanya, penglibatan pihak swasta amat penting dalam membantu mengatasi permasalahan itu namun PUFC juga perlu membina keyakinan dengan menampilkan potensi pasukan berkenaan.

"PUFC kena bina kepercayaan dengan menampilkan potensi pasukan itu seperti berada pada kedudukan lima teratas dalam saingan liga.

"Jadi apabila mereka dapat membina keyakinan itu maka ia akan menarik penajaan khususnya dari pihak swasta," katanya ketika ditemui di Kompleks Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini semalam.

Dalam pada itu, Muhammad Azmir berkata, pihaknya juga akan mengadakan perbincangan bersama Universiti Malaysia Perlis (Unimap) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) berhubung isu venue yang dibangkitkan PUFC.